
[BIL. 74 APR 2020](#)



CREATE
e-newsletter

UMP sumbang 600 pensanitasi tangan buat barisan

Sebagai usaha membantu petugas barisan hadapan (*frontliner*) menangani penularan wabak Covid-19 kerana menyumbang sebanyak 600 pensanitasi tangan (*hand-sanitizer*) menerusi dua produknya iaitu *triUMPH Hand Sanitizer* berkapasiti 30 ml yang mudah dibawa ke mana sahaja.

Serahan disampaikan Eksekutif Kanan, Pejabat Naib Canselor UMP, Saharudin Ramli kepada Setiausaha Dato' Haji Md Yusli Ibrahim Mohd Yunus pada 6 April 2020 yang lalu.

Hadir sama Pengurus Besar UMP Technology Sdn. Bhd., Muhamad Nizam Abdul Rashid dan Saiful Anwar Pejabat Menteri Besar Pahang di Kuantan.

Produk *triUMPH* adalah hasil inovasi syarikat kerjasama UMP Technology Sdn. Bhd. dan MNR Multitech penuh UMP Holdings Sdn. Bhd. (*UMPH*).

Manakala *Germs Free Hand Sanitizer* pula merupakan produk keluaran UMP Renal Care Sdn. Bhd. yang m

Menurut Muhamad Nizam, produk *triUMPH* adalah diformulasi mengikut standard *World Health Organization*

"Kandungan alkohol 70 peratus dalam produk ini adalah efektif untuk membunuh virus. Sumbangan menyumbang kepada rakan dan hasil fasiliti buat komuniti sekeliling.

"Sementara itu, produk cecair pembasmi kuman yang dinamakan *Germs Free Hand Sanitizer* pula mengandungi pembiakan kuman. Ia turut mengandungi Aloe Vera dan Vitamin E yang sesuai untuk kulit.

"Pada masa ini, produk ini terdapat dalam bentuk cecair dan gel," katanya.

Bagi Saharudin, sumbangan ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial kepada masyarakat semasa penularan wabak Covid-19 dengan memberi fokus bantuan terhadap barisan hadapan yang bekerja keras.

Selain cecair pensanitasi tangan, UMP Renal Care Sdn. Bhd. turut mengeluarkan produk disinfektan *Diaclean Pera Sterilant* yang berasaskan cuka makanan sebagai bahan nyah cemar permukaan seperti rumah, sekolah, pejabat, dan hospital.

Dalam usaha membantu barisan hadapan yang bertungkus-lumus bertugas memerangi wabak ini, UMP mengadakan gerakan *Frontliners* bagi mengumpul sumbangan bagi membekalkan air minuman buat mereka.

UMP terima sumbangan bantu mahasiswa

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA, PEJABAT NAIB CANSELOR

Kira-kira seramai 1,260 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang masih berada di kampusnya di sini akan menerima sumbangan daripada kerajaan untuk membantu mereka dalam menghadapi situasi ini, dilaksanakan oleh pengurusan UMP bagi memastikan kebajikan mereka dijaga.

Ini berikutan terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak dapat pulang ke kampung halaman rentetan akibat penularan wabak Covid-19. Sumbangan tersebut telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak Covid-19.

Sepanjang PKP ini berlangsung, universiti menerima bantuan pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (APB) dan mahasiswa.

Turut sama menyumbang makanan daripada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Kuantan mahasiswa dari Sabah dan pihak Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses yang menaja mohon berkenaan.

Menurut Pengurus Bahagian Perkhidmatan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Zainal Huda memastikan mahasiswa mematuhi arahan sepanjang PKP berlangsung.

"Mereka juga dinasihatkan cakna dengan maklumat pencegahan penularan wabak Covid-19 dan penjagaan melalui hebahan di portal ataupun di media sosial.

"UMP juga turut menguruskan bantuan makanan secara percuma setiap hari kepada semua pelajar yang berada di Kolej Kediaman masing-masing.

"Melalui kaedah ini, pergerakan mahasiswa dapat dihadkan dan seterusnya dapat mengurangkan risiko jangkitan wabak Covid-19."

"Agihan ini akan dibantu diuruskan oleh pengurusan kolej kediaman masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, UMP *Campus Pantry* telah mengumpulkan keperluan asas dan makanan kering hasil sumbangan dari pelajar dan kakitangan UMP, serta sumbangan dari kerajaan melalui agensi bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan pihak luar antaranya MyFoodFund, MyFundAction, MyFundAction Malaysia, MyFundAction Muslim Malaysia (MyFundAction) dan sumbangan perseorangan untuk kegunaan mahasiswa UMP di kampus.

Selain itu, kebijakan mahasiswa di luar kampus turut tidak diabaikan dan pihak universiti turut menyediakan makanan dan minuman yang berada di dalam kampus.

Pihaknya menghargai pihak penaja yang banyak menyumbang terutamanya pihak Yayasan Food Malaysia, Pihak Berkuasa Perumahan Malaysia, Pihak Berkuasa Perumahan Rakyat, Pihak Berkuasa Perumahan Rakyat Etika Beverages, Mondalez, Legasi Sufi, Pejabat Ahli Parlimen Paya Besar dan terbaharu dari Pejabat Ahli Parlimen Paya Besar.

Antara barang yang disumbangkan adalah seperti makanan bermasak, makanan kering, minuman dan kemasan.

Turut menyumbang adalah dari Yayasan UMP sebanyak 20 ribu untuk kegunaan sepanjang PKP ini.

Manakala pihak Persatuan Alumni UMP menyumbang cecair pensanitasi tangan (hand sanitizer) dan menyumbang sebanyak 1,000 keping topeng muka untuk kegunaan mahasiswa.

UMP sangat menghargai sumbangan dan keprihatinan kerajaan dan syarikat yang menjalankan tanggungjawab pelajar sebagai usaha mengurangkan beban pelajar sepanjang PKP ini.

Orang ramai yang berhasrat menyumbang boleh disalurkan melalui Bilik Kawalan Operasi dan Bencana (BKB) yang menguruskan segala urusan berkaitan Covid-19 yang melibatkan semua warga UMP.

Bagi warga UMP yang mempunyai pertanyaan atau permasalahan sepanjang tempoh PKP ini bolehlah mohon dan Bencana UMP di talian 09-424 6999 (Pekan) atau 09-549 3333 (Gambang).

Disinfektan *Diaclean Pera Sterilant* produk halal nyah kuat

Produk disinfektan *Diaclean Pera Sterilant* yang dihasilkan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berdasarkan teknologi *acetic acid* mampu membunuh sehingga 99.9 peratus mikro organisma seperti bakteria, virus, fungi dan protozoa.

Produk inovasi disinfektan organik ini bersifat mesra alam, mesra pengguna (*non irritant*), tidak berbau, kesan negatif kepada permukaan ataupun pengendali dan diklasifikasikan sebagai disinfektan tahap tinggi.

Menurut penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Profesor Dato' Ts. Dr. Zularisam Amin yang bebas daripada kandungan *aldehyde* dan alkohol, produk ini boleh digunakan dalam kerja-kerja operasi.

“Pesanitasi awam ini mampu membunuh semua kumpulan keluarga virus korona dengan berkesan yang cepat atau yang hanya memerlukan tahap disinfeksi pertengahan (MLD).

“Disinfektan ini bukan sahaja sesuai digunakan sebagai bahan nyah cemar permukaan seperti di kaw

sekolah, pejabat dan hospital malah boleh digunakan dan sangat sesuai sebagai bahan disinfeksi di industri pembungkusan, pensterilan alatan perubatan, air minuman, tenuku, dan rawatan air kumbahan,” katanya.

Produk ini telah diuji keberkesanannya sebagai *anti-microbial* melalui *Invitro Test* di Makmal Bioserasi dan *Invivo Biocompatibility Test* di Makmal Bioserasi Center for Research and Instrumentation Management Malaysia (UKM).

Selain itu, produk buatan Malaysia ini turut mengandungi *Peracetic Acid* sebagai bahan aktif yang menurut *World Health Organization* (WHO) dan *United States Environmental Protection Agency* (USEPA) sebagai bahan yang membunuh virus.

Menurut Profesor Dato' Ts. Dr. Zularisam lagi, pada awalnya produk *Diaclean* ini digunakan sebagai bahan disinfektor untuk pinggang sintetik serta mesin hemodialisis di pusat-pusat dialisis yang mampu membantu pesakit buah pinggang yang dilakukan di pusat dialisis di seluruh negara.

“Aplikasi produk *Diaclean* ini kini telah dikembangkan sebagai bahan penyemburan disinfektor untuk tujuan kerjaya, kilang, universiti, perumahan dan awam.

“Pada masa kini, kebanyakan bahan disinfektor berdasarkan klorin digunakan secara berleluasa sebagai *sodium chlorite*, *chlorine* dan *sodium dichloroisocyanurate* yang boleh menyebabkan kerosakan pada alat-alat dan mencemar persekitaran.

“Di samping itu, bahan aktif klorin yang bertindak balas dengan sumber organik di persekitaran juga bersifat berbahaya dan bersifat carcinogenik seperti *Trihalomethane* dan *Haloacetic Acids* (HAAs).

“Penggunaan bahan kimia seperti *benzalkonium chloride*, *chloroxylenol* dan *chlorhexidine* yang berada dalam disinfektor diragui keberkesanannya dalam membunuh kebanyakan mikro organisma terutama virus korona,” ujar beliau.

Jelas beliau, selain bersifat bukan organik (*inorganic*), bahan disinfektor ini akan kekal wujud dalam bentuk *residual* yang sukar untuk didegradasikan atau distabilkan secara semula jadi.

“Dengan tahap keberkesanan yang diragui dan kos yang tinggi, disinfektor *inorganic* ini juga dipercayai merugikan kepada makhluk hidup dan alam sekitar. Selain itu, ia juga boleh merugikan kesihatan manusia alam selain bersifat merengsa (*irritating*) kepada pengguna dan boleh mendatangkan mudarat kepada makhluk hidup dan alam sekitar,” katanya.

“Malahan, terdapat juga disinfektor bertahap *High Level Disinfectant* (HLD) seperti *hydrogen peroxide* dan *iodine* yang boleh membunuh mikroorganisma dengan tahap yang berbeza-beza,” katanya.

keberkesanan yang tinggi namun demikian bahan aktif tersebut mengakis (*corrosive*), berbau, lebih mungkin boleh menyebabkan kesan kanser kepada pengguna,” katanya.

Produk *Diaclean* ini telah mendapat status HALAL JAKIM, berdaftar di bawah *Medical Device Authorisation Conformity to Requirement in Third Schedule of Medical Device Regulation 2012* oleh TUV SUD Malaysia (*International Quality Management System for Medical Device*).

Produk dikeluarkan UMP Renal Care Sdn. Bhd. iaitu syarikat terbitan UMP (*spin off company*) sejak 2008 hingga tahun 2014 dan telah dikomersialkan secara atas talian (*online*).

Dalam pada itu, beberapa lokasi tumpuan dalam negara yang terdedah kepada jangkitan Covid-19 telah dilakukan kerja-kerja pembersihan dan sanitasi awam mengikut prosedur yang ditetapkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

UMP turut menjalankan operasi nyah cemar di beberapa lokasi di dalam kampus universiti ini bagi memastikan aman dan selamatnya penggunaan kampus semasa terdapat ancaman penularan wabak ini.

Ia dilaksanakan anak syarikat UMP Holdings Sdn. Bhd, iaitu Syarikat UMP Services yang turut menggunakan perkhidmatan pembersihan disfenksi mereka di kampus universiti.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safrizah@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya mengga dan sikap Buletin e-CREATE. Karya semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan tidak dikembalikan. Sumbangan karya berikan kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safrizah@ump.edu.my

ISSN 1823-7487



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 109 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Society

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

